



**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN**

**GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN
SURAT PERAKUAN PENGGAMBARAN(SPP)**

1. Syarikat filem perlu mempunyai lesen **Pengeluaran Filem (PF)** yang masih sah tempohnya.
2. Mengemukakan permohonan secara atas talian (online) melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) di pautan www://sppik.finas.my
3. Mengemukakan permohonan **tidak lewat dari 7 hari sebelum penggambaran dimulakan.**
4. Satu permohonan bagi setiap judul filem yang hendak dikeluarkan. Hanya satu permohonan SPP bagi filem yang mempunyai episod.

(Jenis filem: Animasi, Cereka Pawagam, Cereka TV, Cereka VCD, Dokumentari, Drama TV, Game Show, Muzikal, Pendidikan, Promosi, Realiti TV, Temubual, Video Korporat, Cereka Pendek, Program TV dll)

5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat berikut:
 - i. **Sinopsis** filem yang hendak dikeluarkan, **anggaran kos produksi** dan **senarai tenaga produksi /artis**;
 - ii. Jika penggambaran tersebut menggunakan khidmat **tenaga pekerja asing** perlulah menyertakan salinan **Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing** (PFA) dan dokumen kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia / *work permit*;
 - iii. Menyatakan **jadual dan lokasi penggambaran** secara terperinci dan kemukakan nombor telefon Pengurus Produksi (PM) dalam SPPIK;
 - iv. Sekiranya ada perubahan lokasi penggambaran, artis, tenaga kerja dan judul filem, pihak syarikat perlu mengemukakan surat permohonan kepada FINAS sebelum tempoh penggambaran tamat;
 - v. Syarikat hendaklah membuat pengesahan secara online melalui SPPIK berkaitan dokumen berikut :
 - a) Perjanjian rasmi *Standard Contract* yang sah mengikut perundangan Malaysia di antara syarikat dengan pelaku yakni mana-mana orang yang memberi perkhidmatannya bagi tujuan dan maksud pelaksanaan penerbitan yang memohon SPP ini. Syarikat boleh menggunakan contoh dokumen *Standard Contract* yang disediakan oleh FINAS bagi maksud dan tujuan kontrak perjanjian di atas bagi semua tenaga kerja/kru/pelakon yang terlibat dalam penggambaran ini.

*contoh *template Standard Contract* di <https://sppik.finas.my>
(sebagai rujukan dan panduan sahaja, pihak syarikat juga boleh menggunakan *template* lain yang bersesuaian)

- b) Semua tenaga kerja/kru/pelakon yang terlibat dalam penggambaran disyorkan mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)/ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- c) Lesen Hiburan Awam Kanak-kanak dan Orang Muda bagi syarikat yang ingin mendapatkan perkhidmatan tenaga produksi/kru/pelakon kanak-kanak/orang muda selaras dengan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

*boleh rujuk :

<https://jtksm.mohr.gov.my/ms/perkhidmatan/permit-perburuhan/borang-permit-perburuhan>

6. Mana-mana syarikat yang menjalankan penggambaran di lokasi yang melibatkan alam sekitar perlu menjaga kebersihan persekitaran dan tidak merosakan ekosistem alam sekitar. Ini bagi memastikan penggambaran yang dilakukan di kawasan alam semula jadi tidak memberi kesan negatif terhadap ekosistem, flora, dan fauna serta memelihara kelestarian kawasan tersebut.

7. Setelah Surat Perakuan Penggambaran (SPP) dikeluarkan, sekiranya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan yang berkuat kuasa, atau sekiranya terdapat aduan yang diterima daripada pihak berkuasa berhubung dengan sebarang salah laku atau jenayah berkaitan aktiviti penggambaran filem, pihak yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk pendakwaan, denda atau penalti sebagaimana diperuntukkan di bawah undang-undang yang terpakai.

8. Sebarang perbuatan vandalisme atau kerosakan terhadap lokasi penggambaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada tapak bersejarah, struktur warisan, artifak, kawasan terlindung atau elemen alam sekitar, adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang berkuat kuasa.

9. Bayaran Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) sebanyak **RM50.00** boleh dibuat secara atas talian (online) melalui SPPIK dan sijil boleh dicetak setelah transaksi pembayaran selesai dilakukan.